

11/01/1997

Najib yakin KPPK tidak bersikap negatif

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berpendapat Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) tidak akan bersikap terlalu negatif terhadap pelaksanaan projek perintis sekolah satu sesi yang dijadualkan bermula pada 9 Jun ini.

Menurutnya, ini kerana kesatuan terbabit sedar bahawa usaha kementerian berkenaan adalah suatu langkah baik bagi menambahkan waktu kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah.

Sebaliknya, beliau berkata, pendirian KPPK pada ketika ini adalah untuk menegakkan peranan sebagai kesatuan guru sekali gus memberi pandangan kerana menganggap persekolahan satu sesi akan menambahkan beban guru.

Justeru, katanya, kementerian akan berusaha mencapai kata sepakat secara pemuafakatan dengan pelbagai pihak, termasuk KPPK, sebagai penyelesaian terhadap cadangan pelaksanaan sekolah satu sesi itu.

Malah, menurutnya, perjumpaan dan perbincangan di antara Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, dengan kesatuan guru seluruh negara, Selasa lalu, berhubung isu berkenaan dapat berlangsung dengan baik.

"Persekolahan satu sesi ini tidak boleh dilaksanakan secara serta-merta tetapi berperingkat, dan ada beberapa perkara yang kementerian perlu kaji lagi," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis pelawaan kepada Petronas untuk menubuhkan universiti di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam yang memetik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata kerajaan tetap akan melaksanakan persekolahan satu sesi bagi memelihara kepentingan pelajar walaupun cadangan itu tidak dipersetujui oleh KPPK.

Perdana Menteri menegaskan, cadangan pelaksanaan persekolahan satu sesi itu hanya dibantah oleh KPPK, bukannya semua guru, dan kerajaan tidak membuat sesuatu untuk merugikan sesiapa.

Disember lalu, KPPK menghantar memorandum kepada Najib supaya pelaksanaan projek perintis berkenaan dibatalkan dan laporan pada Rabu lalu pula memetik Setiausaha Agungnya, Siva Subramaniam, sebagai berkata KPPK akan membawa sekolah yang melaksanakan konsep persekolahan satu sesi sebelum tarikh sebenar ia dikuatkuasakan 9 Jun ini, ke mahkamah.

Sehubungan itu, Najib berkata, pandangan ibu bapa berhubung isu berkenaan juga akan disampaikan kepada kementerian untuk pertimbangan dan mencapai kata sepakat bagi menyelesaikannya.

(END)